

Khamis, Feb 08 2018

KWAP sasar peningkatan 70 peratus saiz dana ESG

BH 8/2

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP menyasarkan peningkatan 70 peratus dalam saiz dana pelaburan berlandaskan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad, berkata pada masa ini, saiz dana pelaburan ESG KWAP merekodkan 50 peratus hingga 60 peratus dan ia akan ditingkatkan sehingga 70 peratus bergantung kepada kecairan ekosistem pasaran.

“Buat masa ini, tidak ada satu jangka masa yang boleh ditetapkan bagi mencapai sasaran itu, tetapi kami optimis untuk memperbanyakkan lagi pelaburan di dalam saham atau aset berstatus ESG.

“KWAP memulakan mandat ESG pada 2014 dan sehingga kini portfolio berkenaan

2014 dan sehingga kini p... mencatatkan prestasi memberangsangkan," katanya pada majlis mengumumkan kerjasama KWAP dan Principles for Responsible Investment (PRI), badan disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di Kuala Lumpur, semalam.

Fokus KWAP

KWAP menjadi penandatanganan untuk PRI, sekali gus menjadi dana pencen pertama di Malaysia yang bergabung dengan rangkaian pembuat dasar global bebas itu bagi membina sistem kewangan dan ekonomi lebih mapan menerusi asas pelaburan yang bertanggungjawab pada jangka panjang.

Wan Kamaruzaman berkata, fokus KWAP adalah untuk melaksanakan amalan ESG yang kukuh bertujuan bukan hanya meningkatkan keselamatan sosial untuk jangka panjang kepada pesara, tetapi juga bertanggungjawab terhadap generasi akan datang.